

# PELANCONGAN DAN AKTIVITI REKREASI

## Pelancongan and Aktiviti-Aktiviti Rekreasi Sediada


- Tiga pantai telah dikenal pasti sebagai tarikan pelancongan di kawasan impak projek, iaitu Pantai Teluk Ketapang, Pantai Tok Jembal dan Pantai Batu Buruk.
- Tapak projek terletak di Pantai Teluk Ketapang (rujuk Gambar 1). Antara aktiviti-aktiviti pengunjung adalah memancing, jogging dan menunggang kuda. Pengunjung juga dapat menikmati makanan dari penjaja makanan sekitar Pantai Teluk Ketapang.




Rajah 1: Kawasan pelancongan berhampiran kawasan projek.



Gambar 2: Keropok lekor, sotong celup tepung dan lok ching adalah antara makanan tempatan yang senang didapati di sepanjang Jalan Pantai Teluk Ketapang.




Gambar 1: Pantai Teluk Ketapang.



Gambar 3: Aktiviti memancing di Pantai Tok Jembal.

- Hasil kajian sosial mendapati kebanyakan pelancong lebih cenderung untuk memilih pemandangan indah sebagai alasan untuk melawat kawasan kajian (rujuk Rajah 2).
- Projek ini juga terletak di sebelah projek mega KTCC (rujuk Rajah 3). Kedua-dua KTCC dan projek yang dicadangkan akan dapat meningkatkan tarikan pelancongan di Kuala Terengganu.



Rajah 2: Sebab melawat Kuala Terengganu.

Sumber: Survei Sosial 2019



Rajah 3: Projek mega, Kuala Terengganu City Centre (KTCC).

## Kesan Kepada Rekreasi dan Pelancongan

Pembinaan Projek akan memberi impak visual kepada pengunjung di Pantai Teluk Ketapang. Ini akan mengurangkan nilai Pantai Teluk Ketapang sebagai tarikan pelancongan dan rekreasi.

Dengan adanya projek ini, pandangan landskap dan pemandangan indah dari Pantai Teluk Ketapang akan digantikan dengan landskap perbandaran baru (*new township*). Daya tarikan pantai akan hilang apabila kawasan rekreasi telah beralih. Akan tetapi, kawasan pantai baru, terusan and laluan pejalan kaki akan dibina di kawasan projek yang mungkin akan jadi daya tarikan baru pelancong.

## Langkah Mitigasi

- Kontraktor hendaklah melaksanakan pembangunan mengikut pelan susun atur dan syarat yang telah diluluskan, termasuklah pantai baru, terusan and laluan pejalan kaki (*walkways*).
- Reka bentuk seni bina mesti mengambil kira identiti budaya, imej dan perpaduan sosial antara projek-projek yang baru dibangunkan dengan persekitaran yang sedia ada.